

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF  
[ RANTAU PANJANG ]**

**TARIKH : 18 MEI 2016 (RABU)**

**SOALAN :**

**YB Puan Siti Zailah Binti Mohd Yusoff [ Rantau Panjang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah wakil Kerajaan Negeri dilibatkan dalam semua mesyuarat yang berkaitan dengan isu bencana dan isu keselamatan di bawah MKN di Kelantan.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keselamatan sentiasa menjadi keutamaan oleh kerajaan bagi memastikan kesejahteraan rakyat sentiasa terpelihara. Tanggungjawab Kerajaan Persekutuan dalam memelihara keselamatan dan kesejahteraan dilaksanakan tanpa sebarang kompromi dan kepentingan di peringkat Pusat mahupun di peringkat Negeri. Sebarang keputusan yang diambil bagi menguruskan isu-isu keselamatan mengambilkira semua aspek-aspek yang berkaitan terutamanya penglibatan dan input semua pihak yang berkepentingan termasuk Kerajaan Negeri.

Dalam perkara ini, jawatankuasa dan mesyuarat yang menguruskan hal-hwal keselamatan sentiasa melibatkan wakil daripada pihak kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri berdasarkan isu yang sedang diselesaikan. Sebagai contoh dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri (JKKN), ahli-ahli mesyuarat terdiri daripada wakil jabatan-jabatan yang menguruskan isu-isu keselamatan dan penguatkuasaan di negeri-negeri seperti PDRM, ATM, JIM, APMM, JKDM dan agensi-agensi lain. Selain itu, JKKN boleh mengundang mana-mana orang yang bukan anggota JKKN untuk menghadiri mesyuarat bagi tujuan menasihati dan memberi input berhubung isu-isu keselamatan yang dibincangkan. Maka tidak timbul sebarang isu berbangkit berhubung penglibatan wakil Negeri dalam mesyuarat-mesyuarat pengurusan keselamatan. Pihak berkuasa

negeri juga pada bila-bila masa boleh mendapatkan maklumat-maklumat berkaitan keselamatan negeri daripada agensi/jabatan yang berkaitan.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat jua, wakil Kerajaan negeri turut dilibatkan di dalam mesyuarat-mesyuarat yang berkaitan dengan isu bencana yang diurusetiaikan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), JPM. Mesyuarat utama berkenaan bencana yang diurusetiaikan oleh NADMA adalah Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Pengurusan Bencana Pusat (JKTPBP) dan Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri merupakan ahli kepada jawatankuasa berkenaan.

Bagi mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri dan Daerah/Jajahan, jawatankuasa tersebut diurusetiaikan oleh Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dan dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pegawai Daerah/Jajahan masing-masing.

Sekian. Terima kasih.